


ISTIADAT KERJAN

UNDANG JOHOL KE-13

15- 20 DISEMBER 1990

ISTADAT

KERJAN





YANG TERAMAT MULIA DATO' ABDUL BIN ALI, D.T.N.S.
DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA SITIAWAN
UNDANG LUAK JOHOL KE XIII.



YANG MULIA TOK PUAN SELIMAH BINTI SICHAT

BIODATA YANG TERAMAT MULIA, DATO' ABDUL BIN ALI - UNDANG LUAK JOHOL

Dato' Abdul bin Ali, telah dilantik menjadi Undang Luak Johol yang ke 13 pada 30hb September 1988 dengan membawa gelaran Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sulawan bagi menggantikan Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Som yang meninggal dunia pada hari itu.

Yang Teramat Mulia mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang luas dalam Adat Perpatih, kerana sebelum dilantik menjadi Undang Luak Johol, Y.T.M. telah menyandang jawatan Dato' Baginda Tan Mas (Bakal Undang) selama 2 tahun 11 bulan 13 hari, iaitu semenjak dari 17hb Oktober 1985.

Y.T.M. Dato' Abdul Ali dilahirkan pada 14hb. Januari 1923 di Kampong Tanggal Johol. Y.T.M adalah anak bongsu serta anak lelaki tunggal kepada satu keluarga tani yang mempunyai anak seramai 3 orang.

Y.T.M telah belajar di Sekolah Melayu Nuri pada tahun 1930 hingga tahun 1935 (tamat darjah v, iaitu darjah yang paling tinggi sekali bagi Sekolah Melayu ketika itu.)

Semasa di bangku sekolah Y.T.M adalah merupakan seorang jaguh sukan dan olahraga. Pada tahun 1933, 1934 dan 1935 Y.T.M mewakili sekolah dalam pasukan bola sepak dan senaman dan berjaya menjadi johan peringkat daerah dan negeri. Dalam pasukan beruniform, Y.T.M memasuki Pasukan Pengakap dan pernah memegang jawatan ketua petrol. Apabila tamat persekolahan Y.T.M menjalani hidup remajanya sebagai anak kampung membantu keluarganya dalam bidang pertanian.

Pada tahun 1942 apabila Jepun menakluki Tanah Melayu Y.T.M telah dihantar oleh Tentera Jepun ke Thailand (siam) sebagai buruh paksa Jalan Kereta Api Maut. Selepas 7 bulan di Thailand Y.T.M bersama rakannya telah dihantar ke Rangoon, Burma hinggalah Kerajaan Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 dan dihantar pulang ke kampung pada akhir tahun itu, iaitu bulan Jun 1946.

Beberapa bulan sahaja sekembalinya dari Burma Y.T.M telah mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis pilihan orang tuanya Tok Puan Selimah bt. Sibat dan kampung Betong. Hasil perkongsian hidup Y.T.M telah dikurniakan 9 orang cahaya mata, 6 lelaki dan 3 perempuan serta 5 cucu.

Apabila darurat diistiharkan pada tahun 1948, Y.T.M telah memasuki pasukan Extra Polis dan ditempatkan di Balai Polis Height Street, Kuala Lumpur. Pada tahun 1949, Y.T.M telah memasuki Pasukan Polis Khas (S.C) dan bertugas di Gemas, kemudian bertukar di Kerling Estate, Kuala Kubu Baru dengan memegang pangkat Koperal sehingga tahun 1953.

Pada tahun 1957 Y.T.M berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya. Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1963 berhenti kerja kerana dipilih memasuki Rancangan Tanah Persekutuan (FELDA) di Sendayan, Seremban. Pada tahun 1964 berkhidmat dengan Lembaga Elektrik Negara (LLN) dan bersara pada tahun 1976, dan kemudiannya menceburkan diri dalam perniagaan.

Semasa di Felda Sendayan, Y.T.M. Dato' Abdul bin Ali, bergiat cergas dalam kegiatan masyarakat dan politik. Y.T.M pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Sendayan dan Sekolah Menengah Sri Sendayan. Y.T.M juga dilantik menjadi Jawatankuasa Masjid Kariah Felda Sendayan.

Y.T.M telah balik ke kampung dan menetap di kampung Betong pada bulan April 1985 kerana ingin bertanding merebut jawatan Datuk Baginda Tan Mas kerana salah satu syarat untuk memegang jawatan itu mestilah menetap di Johol.

Dalam bidang keagamaan pula, selaras dengan tugas Y.T.M sebagai payung tempat berteduh, pohon tempat bernaung yang menjadi ketua adat serta agama Luak Johol Y.T.M mengambil berat tentang agama. Sebaik sahaja dilantik menjadi Undang, Y.T.M melawat secara mengejut ke beberapa buah masjid pada tiap-tiap hari Jumaat untuk bersembahyang Jumaat bersama dengan rakyat serta meninjau masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Y.T.M pernah belajar agama daripada beberapa orang guru agama termasuk Allahyarham Mufti Kerajaan Negeri Tuan Hj. Mohd Said.

Jauh perjalanan banyak pengalaman. Lama hidup banyak dirasa. Hasil daripada jauh perjalanan serta pergaulan yang begitu luas Y.T.M Dato' Abdul bin Ali boleh bertutur dalam tiga bahasa selain daripada Bahasa Malaysia. Y.T.M boleh bertutur dalam Bahasa Hindi dan Bahasa Burma.

Semoga Allah melanjutkan usia Y.T.M Dato' serta memerintah Luak Johol dengan adil dan saksama menjadikan Luak Johol bertambah maju, aman dan makmur.

Y.T.M. DATO'-DATO' UNDANG LUAK JOHOL YANG TELAH MEMERINTAH

Bil.	Nama	Jangka masa memerintah
1.	Dato' Sitiawan (I Perempuan)	1723-1747
2.	Dato' Rambut Panjang (II Perempuan)	1747-1760
3.	Dato' Sitiawan (III Perempuan)	1760-1790
4.	Dato' Rambut Jantan	1790-1810
5.	Dato' Nuri	1810-1820
6.	Dato' Abu Bakar (Gobah)	1820-1840
7.	Dato' Eto	1840-1901
8.	Dato' Wan Omar	1901-1918
9.	Dato' Kamat bin Sulaiman	1918-1947
10.	Dato' Hj. Abd. Manap bin Tolok	1947-1973
11.	Dato' Abd. Majid bin Wahid, PJK	1973-1985
12.	Dato' Abd. Rahman bin Mohd Som	1985-1988
13.	Dato' Abdul bin Ali	1988

PERANAN GOBAH DAN ISTIADAT KERJAN

(Oleh: Abdullah Hj. Abdul Ghani)

Mengikut adat istiadat Luak Johol, tiap-tiap yang menjadi Undang telah diwajibkan Kerjan sekali sahaja dalam masa ia memegang pusaka Undang. Adat istiadat Kerjan itu terbahagi kepada tiga cara, iaitu:-

- Pertama: Dijalankan selama tiga hari tiga malam dengan mengadakan jamuan menyembelih tiga ekor kerbau.
- Kedua : Dijalankan selama lima hari lima malam dengan mengadakan jamuan dan menyembelih lima ekor kerbau.
- Ketiga : Dijalankan selama tujuh hari tujuh malam dengan mengadakan jamuan dan menyembelih tujuh ekor kerbau.

Adat istiadat yang dijalankan mengikut cara yang ketiga itu dinamakan Adat Perpatih penuh, kerana lama dan besarnya jamuan yang diadakan maka terbitlah perbilangan yang mengatakan:

“kepala kerbau dibuat tungku,
air didih menganak sungai,
kerak nasi membusut jantan”.

Dalam masa adat istiadat Kerjan ini dijalankan, satu daripada acara penting yang diadakan ialah menziarahi makam al-marhum Undang Dato’ tua-tua yang terletak di Makam Gobah. Makam Gobah ini terletak di pinggir kampung Bukit Istana, kira-kira setengah batu jauhnya daripada pekan Air Mawang. Makam itu dinamakan Makam Gobah kerana mengambil sempena nama Dato’ Undang Luak Johol yang keenam yang bernama Abu Bakar Gobah atau Tok Buncit yang memegang pusaka Undang dalam tahun 1820-1840 yang telah dimakamkan di situ.

Sebelum hari istiadat Kerjan dijalankan dua buah balai akan disediakan. Balai yang pertama ialah Balai Bersiram didirikan di Makam Gobah. Undang yang kedua dinamakan Balai Gunong Berangkat didirikan di Balai Undang kerana kegunaan menjalankan adat istiadat mengadap.

Balai Bersiram yang dibina di Makam Gobah itu dibuat daripada empat batang tiang kayu, beratapkan daun palas dan berlantaikan ruyung nibung. Pada setiap penjuru tiangnya dipasang panji-panji dibuat daripada kain berwarna merah, hitam, kuning, putih, dan dihiasi dengan kain yang berwarna warni serta alat-alat istiadat.

Pekerjaan menghiasi Balai Bersiram itu di buat oleh:-

Datuk Jenang
Datuk Batin
Tok Jurukerah
Datuk Gempa
Datuk Menteri
Tok Pawang

Adat istiadat di Makam Gobah ini dijalankan pada hari yang kedua istiadat Kerjan. Pada hari yang tersebut telah ditetapkan empat orang yang berpakaian serba kuning dan mereka itu ialah:-

Yang Amat Mulia Undang Datuk
Datuk Jenang
Datuk Batin
Tok Pawang

Keberangkatan rombongan Yang Amat Mulia Undang Dato' dari Balai Undang ke Balai Bersiram di Makam Gobah itu adalah seperti berikut:-

Berjalan di hadapan, empat orang perempuan menyelampai membawa:-
Tempat sirih dibawa oleh anak Paduka Bangsa.
Dapur kemenyan dibawa oleh anak buah Menggarang.
Bedak limau dibawa oleh anak buah Dato' Raja Senara.
Air segolok (air segolok mengandungi jari lipan dan gumba-gumba yang dibuat dari daun kelapa) dibawa oleh anak buah Datuk Baginda Raja.
Tikar mengkuang dibawa oleh anak buah Paduka Bangsa.

Diikuti pula oleh dua orang juak-juak iaitu Panglima Tengah dan Panglima Dalam.

Yang Amat Mulia Undang Dato' di apit oleh Dato' Gempa dan Dato' Menteri serta dipayungkan oleh Dato' Batin diiringi oleh Dato' Jenang, ibu-ibu, waris, datuk-datuk dan buapak-buapak, kemudian diikuti oleh Panglima Putih, Panglima Hitam, juak-juak Hulubalang dan orang ramai.

Setelah rombongan keberangkatan Yang Amat Mulia Undang Datuk sampai ke Balai Bersiram, Yang Amat Mulia pun duduk di dalam balai di atas tilam Pandak yang terletak di atas tilam panjang dengan diapit oleh Dato' Gempa dan Dato' Menteri, disertai oleh Dato' Jenang, Datin Batin dan ibu-ibu waris.

Kemudian to' Pawang Datuk Batin dan seorang daripada dukun berempat akan menyempurnakan istiadat mentawar di makan.

Setelah selesai istiadat menepung tawar dijalankan, Yang Amat Mulia Undang Datuk akan berangkat ke Perigi Godang (perigi besar) yang terletak kira-kira 50 ela sahaja dari makam kerana menyempurnakan istiadat Berlangir, istiadat Berlangir ini dijalankan oleh:-

Tok Pawang
Datuk Batin
Dan seorang daripada dukun berempat.

Selesai istiadat Berlangir, Yang Amat Mulia Datuk Undang pun mencedok air Perigi Godang dan bersiram bersendirian.

Apabila selesai bersiram, Yang Amat Mulia Undang Datuk pun bersalin pakaian di ruang khas dalam Balai Bersiram dengan dibantu oleh Datuk Jenang dan Datuk Batin.

Setelah siap sempurna bersalin pakaian, Yang Amat Mulia Undang Datuk pun duduk semula di atas tilam pandak. To' Pawang pun memulakan Istiadat Memulih (menaikkan daulat). Selepas itu Yang Amat Mulia pun menyirih (makan sirih). Selepas menyirih ini maka istiadat penting di Makam Gobah itu pun selesailah diakhiri dengan tembakan meriam sebanyak 9 kali.


Rombongan Yang Amat Mulia Undang Datuk pun berangkat balik ke Balai Undang dan terus naik ke Balai Gunung Berangkat berjalan di atas kain Tetapak yang dibuat dari kain putih.

Di Balai Gunung Berangkat ini Yang Amat Mulia Undang Datuk duduk dengan diapit oleh Datuk Gempa dan datuk Menteri. Kemudian dijalankan pula istiadat menghadap oleh datuk-datuk serta mereka-mereka yang ditetapkan.



MAKAM GOBAH

Makam Almarhum Y.A.M. Dato' Abu Bakar Gobah
(Tok Buncit) Undang Luak Johol ke VI tempat
Istiadat Kerjan Undang Luak Johol.
Makam ini terletak di kampong Bukit istana dan jauhnya
kira-kira setengah batu daripada pekan
Air Mawang – Johol.




PERIGI GODANG

Perigi Godang tempat dilakukan istiadat bersiram semasa Kerjan setiap orang Undang Luak Johol.

Perigi ini terletak berhampiran dengan Makam Gobah.

SENJATA / ALAT KEBESARAN



Tombak Benderang yang terikat dengan rambut to' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol yang pertama. Di tengah ialah Tokeng yang bersalut dengan kain kuning oleh setiap orang Undang Luak Johol yang sekarang ini bilangannya telah meningkat sebelas lapis semuanya. Tilam pandak, perasap dan canang di atas ini merupakan pusaka milik Undang Luak Johol yang pertama.

Keris yang hulunya bersisik tenggiling ini bernama Dendam Tak Sudah. Ia merupakan lambang kedaulatan setiap orang Undang Luak Johol. Keris Panjang pakaian Dato' Undang yang boleh digunakan untuk memancong seramai tujuh orang rakyatnya yang bersalah sebelum adanya undang-undang negeri lagi.

SUSUNAN ATUCARA
ISTIADAT KERJAN
Y.T.M. DATO' ABDUL BIN ALI, D.T.N.S.
UNDANG LUAK YANG KE XIII

KERJA PERSIAPAN ADAT 15.12.1990(SABTU)

Jam	2.30 ptg	-	Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang sampai ke Balai Undang untuk memasang alat-alat kebesaran adat.
	4.00 ptg	-	Istiadat Dato' Pawang Memulih.
	4.30 ptg	-	Tembakan Meriam 9 das Istiadat Kerjan bermula.
	8.00 mlm	-	MAJLIS AGAMA – Bacaan Yasin dan Syarahan Agama.

HARI PERTAMA 16.12.1990 (AHAD)

Jam	7.00 pagi	-	Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang sampai ke Balai Undang.
	8.00 pagi	-	Y.T.M. Dato' Undang berangkat ke Balai Bersiram Gobah Bukit Istana di payuni oleh Dato' Batin didahului oleh perempuan melampai, Panglima Tengah, Panglima Dalam dan diapit oleh Dato' Gempa dan Dato' Menteri serta diiringi oleh semua Juak-juak Hulubalang dengan membawa semua alat-alat kebesaran. Perbarisan dari Balai Undang hingga ke Gobah oleh murid-murid sekolah serta anak-anak buah. Y.T.M. Dato' Undang berangkat ke Perigi Godang untuk menyempurnakan Istiadat Bersiram dan di bedak langirkan oleh Dato' Pawang, Dato' Batin dan seorang daripada Dukun Yang Berempat dimulakan. Atur cara seperti di atas. Istiadat mengadap Tok Puan oleh Anak-anak Waris Lelaki dan Perempuan dan Imam-iman Masjid.
	12.30 tgh	-	Doa oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Alamat (Tembakan Meriam) 9 kali.
	1.00 tgh	-	JAMUAN RAKYAT.

8.00 mlm - Persembahan Kebudayaan.

HARI KEDUA 17.12.1990 (ISNIN)

Jam 8.30 pagi - Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang sampai ke Balai Undang.

10.00 pagi - Y.T.M. Dato' Undang berangkat ke Rumah Telapakan di Kg. Tanggai "Carak Johol".

Berjalan dari Balai Undang menuju ke Bkt. Tengah menziarahi Makam Dato' Sitiawan dan Makam Bonda Y.T.M. Kg. Tanggai.

Diiringi oleh Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang dan Anak-anak Buah berserta Kumpulan Kompang.

11.30 pagi - Majlis Tahlil.

1.15 tgh - Sembahyang zohor.

1.45 tgh - Jamuan Makan Selingan Caklimpong.

2.30 ptg - Y.T.M. Dato' Undang berangkat balik ke Balai Undang.

8.00 mlm - Malam Kebudayaan.

HARI KETIGA 18.12.1990 (SELASA)

8.30 Pagi - Perbarisan/ Sukan di Padang Sek. Men. Datuk Undang Abdul Manap Johol.

8.30 mlm - Malam Kebudayaan.

HARI KEEMPAT 19.12.1990

8.30 pagi - Sukan Tradisional.

8.00 mlm - Pertandingan Membaca Khutbah bagi Kariah Masjid Wilayah Johol.

HARI KELIMA 20.12.1990 (KHAMIS)

- 7.30 Pagi - Dato'- Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang dan Anak-anak Buah sampai ke Balai Undang.
- 10.00 pagi - Sabda Y.T.M. Dato' Undang Luak Johol Yang ke XIII.
- 10.15 pagi - Ucapan-ucapan menjunjung kasih:
Pengerusi Jawatankuasa Besar Istiadat Kerjan.

Wakil daripada Kaum China.
Wakil daripada Kaum India.
Y. Bhg. Tuan Pegawai, Daerah, K. Pilah.
Y. Bhg. Tuan Pegawai Daerah, Tampin.
Y.M. Dato' Penghulu Luak Air Kuning.
Y.M. Dato' Luak Gemenceh.
Y.M. Dato' Penghulu Luak Inas.
Y.M. Dato' Baginda Tan Mas.
- 11.00 tgh - Para Jemputan mengambil tempat.
- 11.30 tgh - Ketibaan Y.A.B. Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Isteri.
- 11.40 tgh - Ketibaan Y.T.M. Tungku Besar Tampin dan Tungku Isteri serta Y.T.M. Dato' – Dato' Undan dan Y.M. Tok Puan-Tok Puan.
- 11.45 tgh - Keberangkatan tiba ke Bawah D.Y.M.M. Tungku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan D.Y.M.M. Tungku Ampuan.
- 12.00 tgh - Bacaan doa selamat oleh Sahibul Samaah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- MAJLIS JAMUAN AGUNG dimulakan.
- Persembahan Muzik.
- 1.45 ptg - Keberangkatan balik D.Y.M.M Tungku Yang Dipertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan D.Y.M.M. Tungku Ampuan.

- Y.T.M. Dato'- Dato' Undang dan Tok Puan-Tok Puan serta Y.T.M. Tungku Besar Tampin dan Y.M. Tungku Isteri meninggalkan majlis.

- Y.A.B. Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Isteri Meninggalkan majlis.

- MAJLIS BERSURAI.

- 4.00 PTG - Membuka semula alat-alat kebesaran diikuti Tembakan Meriam 9 das.
- Istiadat Kerjan Y.T.M. Dato' Abdul bin Ali telah sempurna.
- 7.00 mlm - Majlis Agama (haul).

RALAT
16hb. Disember 1990

- 9.30 pagi - Y.T.M. Dato' Undang bersalin pakaian dibantu oleh Dato' Jenang dan Dato' Batin. Siap Berpakaian Dato' Pawang pun menjalankan Istiadat memulihkan serta menaikkan Daulat – 'DAULAT DATO' UNDANG'.
- 10.00 pagi - Y.T.M. Dato' Undang berangkat balik ke Balai Undang terus menuju ke Balai Mengadap Gunung Berangkat melalui Kain Tetapak, oleh Dato' Gempa dan Dato' Menteri, semua Dato'- Dato' Lembaga, Juak-juak Hulubalang mengambil tempat masing-masing mengikut adat Istiadat.
- 11.00 pagi - Dato' Jenang Yaakub bin Ahmad mengisytiharkan Dato' Abdul bin Ali menjunjung pusaka Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Undang Luak Johol dan mencemar kaus ke Istiadat mengadap oleh Dato'- Dato' dimulakan.
- Dato' Batin Ujang.
Ibu-ibu Waris Johol dan Gemenceh.
Dato' Baginda Tan Mas Mohd. Jan b. Hj. Abd. Ghani.
Dato' Raja Balang Hj. Ab. Ghani b. Hj. Mek, PJK.
Dato' Raja Senara Daud b. Ibrahim, PJK.
Dato' Andika Hj. Talib b. Yusof, PJK.
Dato' Baginda Raja Hj. Yatim b. Kanting, PMC, PJK.
Dato' Paduka Besar Mohamad b. Dahan, PJK.
Dato' Sinda Maharaja Karim b. Mohd. Akhir, PJK.
Dato' Menteri Batang Melaka Ab. Rahman b. Tajid.
Semua Tok Buapak Yang Enam mengikut giliran.
Semua Tok Buapak Dato' Lembaga mengikut giliran.
Semua Tok Juak-juak Hulubalang mengikut giliran.
- 11.30 pagi - Istiadat mengadap oleh anak-anak Waris Lelaki dan Perempuan, Tuan Kadi dan Imam Masjid Wilayah Johol.
- 12.00 tgh - Istiadat mengadap oleh Puan diapit oleh isteri Dato' Gempa dan Isteri Dato' Menteri diserukan oleh Dato' Jenang, Upacara mengadap Tok Puan.

PAYUNG KUNING DAN HITAM



Kedua-dua Payung Kebesaran bagi
Undang Luak Johol.
Payung Kuning pakaian Y.A.M. Dato' Undang Luak
Johol manakala Payung Hitam Pakaian To' Puan
adalah Pesaka daripada To' Batin.

**DATO'-DATO' LEMBAGA, KETUA-KETUA ADAT BUAPAH YANG ENAM
JUAK-JUAK KEPADA Y.T.M. DATO' UNDANG LUAK JOHOL KE XIII.**

Dato'- Dato' Lembaga dan Ketua-ketua Adat

Dato' baginda Tan Mas Mohd. Jan bin Abdul Ghani
Dato' Jenang Yaakub bin Ahmad, PJK
Dato' Batin Degol Ujang
Ibu Waris Gemenceh Puan Kalsum bin Hj. Suhur
Ibu Waris Johol Puan Kelimah Bte. Sabtu.
Dato' Gempa Hj. Bador bin Samad , PJK
Dato' Menteri Hj. Zabudah bin Janan, PJK
Dato' Raja Balang Hj. Abd. Ghani bin Hj. Mek, PJK
Dato' Andika Hj. Talib bin Yusuf,PJK
Dato' Raja Senara Daud bin Ibrahim,PJK
Dato' Baginda Raja Hj. Yatim bin Kanting
Dato' Paduka Besar Mohamad bin Dahan, PJK
Dato' Sinda Maharaja Karim bin Md. Akhir, PJK
Dato' Sri Maharaja Sulaiman bin Akhir, PJK
Dato' Pawang Hj. Kudus bin Langkah, PJK
Dato' Jurukerah Daharun bin Ahmad

Buapak Yang Enam

Tok Menggarang Abdul Ghani bin Bentung
Tok Seribu Gatang Hj. Md. Ali bin Ahmad
Tok Paduka Bangsa Abd. Samad bin Abdullah
Tok Baginda Melana Mudir bin Sidin
Tok Serumpan Ismail bin Ibrahim
Tok Paduka Raja Lela Mohd. Yunus bin Bidin.

Juak-juak

Tok Memperang Kanan Hj. Main bin Pasar
Tok Memperang Kiri Sulaiman bin Kicut
Tok Panglima Putih Harun bin Jien
Tok Panglima Hitam Ismail bin Mahat
Tok Panglima Dalam Yusof bin Katik
Tok Amar Panglima Hj. Husin bin Wahab
Tok Panglima Besar Adam bin Pawar.

Buapak-buapak Tok Lembaga

Tok Baginda Raja Lela Bakar bin Samad
Tok Jelela Sharif bin Ahmad
Tok Senara Kata Semek bin Baba
Tok Kanda Ibrahim bin Ujung

Tok Monti Hj. Kamarulzaman bin Md. Zin
Tok Senara Pahlawan.

**NAMA-NAMA AHLI JAWATANKUASA HARI ISTIADAT HARI KERJAN
Y.T.M DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA SITIAWAN
ABDUL BIN ALI, D.T.N.S. UNDANG LUAK JOHOL YANG KE XIII.**

- Penaung : Y.A.B. Dato' Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad,
DSNS, PMC.
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
- Penasihat : Y. Bhg. Encik Ismailk bin Dollah Harun, ANS, PMC.
Pegawai Daerah, Kuala Pilah.
- : Y. Bhg. Encik Zainal Abidin bin Mohd. Ali, PMC.
Pegawai Daerah, Tampin.
- : Y. bhg. Tuan Hj. Muhd. Ghazali bin Muhd. Ibrahim, ANS,
PMC.
Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang.
- Pengerusi : T. B. Encik Darus Salim bin Bulin, PJK.
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Johol merangkap
EXCO Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Naib Pengerusi: Encik Abd. Jalil bin Ibrahim, PJK.
- Setiausaha : Tuan Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Ab. Manap, PMC, PJK.
- Bendahari : Encik Jamaludin bin Mohd. Yusof,PJK.
- Setiausaha Kerja: Encik Hamzah bin Limin, PJK.
- Ahli/ Kuasa : Y.A.M. Dato' Baginda Tan Mas Mohd. Jan bin Abdul Ghani.
- Ahli Jawatankuasa
- : Tuan Hj. Harun bin Hj. Sahor
(Pengerusi Rumah Telapakan)
- : Encik Abdullah Sani bin Abd. Hamid, PMC, PJK.
(Pen. Setiausaha Kerajaan NSDK – Bhg. Dewan & Protokal)
- : Tuan Lebai Aziz bin Yassin, PMC, PJK.
(Pengerusi Agama)
- : Jurutera Daerah, JKR K. Pilah/ Tampin.
(Pengerusi Khemah/ Pentas dan Pintu Gerbang)

- : Ketua Polis Daerah K. Pilah/ Tampin.
(Pengerusi Keselamatan dan Lalu lintas)
- : Pegawai Pendidikan Daerah K. Pilah/ Jelebu/ Jempol.
(Pengerusi Sukan)
- : Pengurus Daerah Tenaga Nasional Berhad K. Pilah.
(Pengerusi Lampu dan Hiasan)
- : Setiausaha Majlis Daerah K. Pilah/ Tampin.
(Pengerusi Keceriaan dan Hiasan)
- : Encik Ahmad bin Hj. Mohd Yusof, PJK.
(Pengerusi Kenderaan)
- : Encik Basirun bin Hj. Ujang, PJK.
(Pengerusi Kebudayaan)
- : Pegawai Penerangan Daerah K. Pilah/ Tampin.
(Pengerusi Seranta dan Alat Siaraya)
- : Encik Ramli bin Tahir.
(Pengerusi Perbarisan)
- : Tuan Hj. Harun bin Mulup, PMC, PJK.
(Pengerusi Masak-memasak)
- : Pegawai Perubatan dan Kesihatan K. Pilah.
(Pengerusi Pertolongan Cemas)
- : Encik Mohd. Din bin Mohd Noh, PMC, PJK.
(Pengerusi Jamuan Rakyat)
- : Puan Hjh. Jaroviah bte. Hj. Yunus, PJK.
(Pengerusi Jamuan Diraja)
- : Encik Nazaruddin bin Sabtu, PJK.
(Pengerusi Pinggan/ Mangkuk)
- : Tuan Hj. Zakaria bin Hj. Sinin, Pjk.
(Pengerusi Layanan/ Hidangan)
- : Encik Ismail bin Hj. Yunus.
(Pengerusi Hiburan dan Pertunjukan)
- : Encik Karim bin Ahmad, PMC, PJK.
(Pengerusi Kebersihan Pinggan dan Mangkuk)

JAWATANKUASA KECIL HARI ISTIADAT KERJAN Y.T.M. DATO' UNDANG LUAK JOHOL YANG KE XIII

Jawatankuasa Kecil Bahagian Adat Istiadat

- Pengerusi : Y.A.M. Dato' Baginda Tan Mas.
Mohd. Jan bin Abdul Ghani.
- Setiausaha : Tuan Hj. Hamzah bin Sichat, PJK.
Dato' Gempa Hj. Bador bin Samad, PJK.
Dato' Menteri Hj. Zabudah bin Janan, PJK.
Dato' Raja Balang Hj. Ab. Ghani bin Mek, PJK.
Dato' Andika Hj. Talib bin Yusof, PJK.
Dato' Baginda Raja Hj. Yatim bin Kanting, PMC, PJK.
Dato' Paduka Besar Muhammad bin Dahan.
Dato' Jenang Hj. Yaakub bin Ahmad.
Dato' Batin Degol Ujang.
Dato' Pawang Hj. Kudus bin Langkah.
Tok Jurukerah Daharun bin Ahmad.
Hj. Sinin bin Ahmad, PKL.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Protokol

- Pengerusi : Encik Abdullah Sani bin Abd. Hamid, PMC, PJK.
- Setiausaha : Encik Kapli bin Emek.
- Ahli Jawatankuasa: Encik Ibrahim bin Abdullah, PJK.
Tuan Syed Ismail bin Syed Yaakob, PJK.
Encik Ramza bin Manap.
Encik Musiram bin Tukimin.
Encik Maulud bin Kahar, PJK.
Encik Osman bin Safran, PJK.
Encik Ibrahim bin Shamsudin, PJK.
Encik Jamaludin bin Musa.
Encik Ahmad bin Ujang, PMC, PJK.
Encik Abd. Rashid bin Arshad.
Puan Zaine bte bte Ab. Rahman.
Puan Hjh. Rajmah bte Paiman.
Puan Norbibah bte Murad.
Puan Nor Hijariah bte Mohd. Nor.
Puan Fatimah bte Md. Misran.
Cik Maimunah bte Shaari.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Agama

- Pengerusi : Tuan Lebai Aziz bin Yassin, PMC, PJK.

Setiausaha : Ustaz Hj. Abdul Ghani bin Sentol, PJK.

Ahli Jawatankuasa: Dato' Andika Hj. Talib bin Yusof, PJK.
Ustaz Tuan Hj. Mohd. Daud bin Maulud.
Tuan Hj. Harun bin Mulop, PMC, PJK.
Ustaz Abdul Rani bin Kedong.
Tuan Hj. Hamzah bin Sicahat, PJK.
Tuan Hj. Abas bin Hj. Kari.
Tuan Hj. Salleh bin Andun.
Encik Jamaludin bin Yusof, PJK.
Tuan Hj. Abd. Razak bin Lajis.
Ustaz Ali bin Manaf.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Sukan

Pengerusi : Tuan Hj. Mohd. Zain bin Hj. Mohd. Rais, PMC, PJK.

Tim. Pengerusi: Tuan Hj. Hussin bin Salleh.

Naib Pengerusi: Encik Abd. Rahman bin Hj. Alias, PJK.
Tuan Hj. Mohd. Som bin Ali.

Setiausaha : Encik Jalaludin bin Hj. Alias.

Jawatankuasa : Encik Ramli bin Tahir.
Hjh. Ceksom bte. Dato' Tamby Chik.
Hjh. Sabariah bte. Awang, PJK.
Tuan Hj. Hamdan bin Hj. Mohd. Yatim.
Hjh. Azizah bte. Muhamad.
Encik Basirun bin Hj. Ujang, PJK.
Encik Ibrahim bin Jahaya, ANS, PMC, PJK.

Jawatankuasa Kecil rumah Telapakan

Pengerusi : Tuan Hj. Harun bin Hj. Sahor.

Setiausaha : Encik Mohamad bin Abdullah.
Encik Abd. Ghani bin Dollah.
(Ketua Persiapan Istiadat)

Encik Shamsuddin bin Hj. Muyub.
(Ketua Penyambut Tetamu)
Encik Yunus bin Hj. Sahor.
(Ketua Hidangan)
Encik Latif bin Talib
(Ketua Kayu Api/ Tungku)
Encik Salleh bin Yassin.

(Ketua Masakan)
Encik Lahin bin Senyek.
(Ketua Cuci Pinggan Mangkuk)
Encik Kassim bin Sulaiman.
(Ketua Pinggan Mangkuk/ Periuk)
Encik Kamarudin bin Md. Yusof.
(Ketua Bekalan Air)
Encik Wahab bin Hj. Sahor.
Tuan Hj. Bakar bin Hj. Idris.
Encik Tahir bin Hj. Sahor.
Puan Selimah bte Hj. Sahor.

Jawatankuasa Kecil Lampu dan Hiasan

Pengerusi : Pengurus Daerah Tenaga Nasional Berhad (TEN).
Kakitangan dan Pekerja TEN Kuala Pilah.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Kebudayaan

Pengerusi : Encik Basirun bin Hj. Ujang, PJK.
Naib Pengerusi: Encik Abd. Ghafar bin Bachik, PPn, PMC, PJK.
Setiausaha : Encik Mat Zelan bin Yusoff.
Jawatankuasa : Encik Won Ah Fatt.
Encik Lim Sin Tian.
Encik Ahmad bin Roslan.
Encik Wan Talib bin Wan Abd. Rahman.
Encik Ismail bin Md. Som, PJK.
Tuan Hj. Zakaria bin Hj. Sinin, PJK.
Puan Hjh. Rokiah bte. A. R. Johar.
Encik Bahari bin Silong.
Encik Abd. Wahab bin Hj. Ahmad, PJK.
Encik Aziz bin Motot.
Encik Dahalan bin Osman.
Encik Roslan bin Sazali.
Encik Jaafar bin Mulup, PMC, PJK.
Encik Abd. Rashid bin Ibrahim.

Jawatankuasa Kecil Pinggan dan Mangkuk

Pengerusi : Encik Mohd. Nazaruddin bin Sabtu, PJK.
Jawatankuasa : Encik Saharan bin Abdul, PMC, PJK, PPM.

Encik Jalil bin Chalok
Encik Ishak bin Budin, PJK.
Encik Aziz bin Salleh, PJK.
Encik Yahya bin Ali.

Jawatankuasa Kecil Kebersihan Pinggan dan Mangkuk

Pengerusi : Encik Abdul Karim bin Ahmad, PMC, PJK.
Setiausaha : Cik Rosnah bte Bacik.
Jawatankuasa : Encik Abd. Karim bin Md. Said.
Encik Nordin bin Takob.
Encik Yusof bin Abdullah.
Cik Sarifah bte Ma'arof.
Cik Marian bte Ma'arof.
Cik Rokiah bte Ahmad.

Jawatankuasa Kecil Jamuan Diraja

Pengerusi : Puan Hjh. Jaroviah bt., Hj. Yunus, PJK.
Naib Pengerusi: Puan Hasnan bte Jamaludin.
Setiausaha : Puan Hjh. Aishah bte Hj. Abas.
Pen. Setiausaha: Puan Hjh. Aishah bte Hj. Osman.
Jawatankuasa : Puan Hjh. Sapiah bte Hj. Yasin, PJK.
Puan Rehah bte Bulin.
Puan Habsah bte Hasan.
Puan Saerah bte Abdullah.
Puan Aishah bte Hj. Kasim.
Puan Faridah bte Idris.
Puan Safiah bte Yusuf.
Puan Minah bte Ondot.
Puan Azizah bte Ab. Rahman.
Puan Sabariah bte Zakaria.
Puan Hjh. Mariam bte Ab. Ghani.
Puan Hjh. Esah bte Abu Samah.
Puan Napsiah bte Md. Din.
Puan Sabariah bte Baba.
Puan Hjh. Kalthum bte Md. Noh.
Puan Hjh. Ramlah bte Hj. Alias.

Jawatankuasa Kecil Jamuan Rakyat

Pengerusi : Encik Md. Din bin Mohd. Noh, PMC, PJK.
Kakitangan-kakitangan KEMAS Daerah Kuala Pilah.

Jawatankuasa Kecil Khemah/ Pentas dan Pintu Gerbang

Pengerusi : Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya, Kuala Pilah/ Tampin
Kakitangan serta Pekerja JKR Kuala Pilah/ Tampin.

Jawatankuasa Kecil Hiburan dan Pertunjukan

Pengerusi : Encik Ismail bin Hj. Yunus.

Setiausaha : Encik Ismail bin Md. Som, PJK.

Jawatankuasa : Encik Yahya bin Abdullah.
Encik Mohd. Dahalan bin Kamal.
Encik Aziz bin Kasim.
Encik Arshad bin Hasan.
Encik Sulung bin Mohamad.
Encik Baharudin bin Baba.
Encik Ahmad bin Boyot.
Encik Sulaiman bin Hj. Hasan.
Puan Fatimah bte Rejab.
Puan Rokiah.
Encik Razali bin Abd Jalil, PMC.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Kenderaan

Pengerusi : Encik Ahmad bin Hj. Mohd Yusof, PJK.

Setiausaha : Encik Shahrudin bin Hj. Md. Isa.

Jawatankuasa : Encik Hassan bin Hj. Abdullah.
Encik Amiruddin bin Ismail.
Encik Jamaludin bin Abd. Jalil.
Encik Zainal Abidin bin Ahmad.

Jawatankuasa Kecil Bahagian Masak-memasak

Pengerusi : Tuan Hj. Harun bin Mulop, PMC, PJK.

Setiausaha : Encik Jamaludin bin Yusof, PJK.

Jawatankuasa : Encik Md. Noh (UKK Dangi).

Hj. Yusof bin Jamin.
Encik Salleh bin Yassin.
Hj. Abu Bakar bin Baba.
Hj. Malek bin Sitam.
Hj. Tahir bin Sitam.
Hj. Yusof bin Othman
Encik Shamsudin bin Yacob.
Hj. Md. Noh bin Yacob.
Hj. Yusof bin Kassim.
Encik Ibarahim bin Wahab.

Jawatankuasa Kecil Layanan dan Hidangan

Pengerusi : Tuan Hj. Zakaria bin Hj. Sinin, PJK.

Tim. Pengerusi: Mejer Mohd. Hassan bin Awang.
(Pegawai Pamarintah Pusat SERENTI Tampin)

Naib Pengerusi: Encik Saadan bin Kasim.
(Pen. Kanan SMDUAM Johol)
Puan Hjh. Jarovia bte Hj. Yunus, PJK.
(Pengerusi Perkumpulan Perempuan Islam, Johol)

Setiausaha : Encik Rahmat bin Budin.

Jawatankuasa : Puan Hjh. Mariam bte Hj. Borhan, PJK.
Encik Latif bin Baba.
Encik Rasul bin Hamzah.
Encik Md. Diah bin Othman.
Encik Harun bin Ab. Rahman.
Encik Jamaludin bin Jalil.
Puan Azizah bte Ismail.
Encik Sahabudin bin Hj. Ibrahim.

Jawatankuasa Kecil Keceriaan dan Hiasan

Pengerusi : Setiausaha Majlis Daerah Kuala Pilah/ Tampin.
Kakitangan dan Pekerja Majlis Daerah Kuala Pilah/ Tampin.

Jawatankuasa Kecil Perbarisan

Pengerusi : Encik Ramli bin Tahir
(Pengetua SMDUAM Johol)
Guru-guru serta murid-murid sekolah.

Jawatankuasa Kecil Keselamatan/ Lalu Lintas

Pengerusi : Ketua Polis Daerah Kuala Pilah/ Tampin.

Jawatankuasa : Anggota-anggota.


Jawatankuasa Kecil Pertolongan Cemas

Pengerusi : Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Pilah.

Jawatankuasa : Kakitangan Jabatan Kesihatan.

Jawatankuasa Kecil Siaraya

Pengerusi : Pegawai Penerangan Daerah Kuala Pilah.



Yang Teramat Mulia Dato' Undang
Luak Johol Bersama Dato' – Dato' Lembaga,
Buapak dan Juak-juak.

“JASAMU DIKENANG”

- Y.A.B. Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Polis Diraja Malaysia.
- Jabatan Pendidikan, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Pejabat Daerah Kuala Pilah/ Tampin.
- Jurutera JKR Kuala Pilah/Tampin.
- Majlis Daerah Kuala Pilah/Tampin.
- Jabatan Penerangan Kuala Pilah/Tampin.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Kesihatan Daerah, Kuala Pilah.
- Tenaga Nasional Berhad (TEN), Kuala Pilah.
- Jabatan Bekalan Air, Kuala Pilah/ Tampin.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- R.T.V. Malaysia.
- PULAPAH, Ayer Hitam, Bahau.
- Pusat SERENTI, Tampin.
- KEMAS, Daerah Kuala Pilah.
- Penghulu-penghulu Mukim.

WARISAN PERPATIH

Tajuk : Sistem Politik dan Ekonomi Adat Perpatih
Pembentang : Prof. Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin
Tarikh : 11 SEPTEMBER 1992
Masa : 11.00-12.30
Tempat : Bilik Jumaah, UKM Bangi

dianjurkan oleh

PERSATUAN MAHASISWA NEGERI SEMBILAN

(PERMANIS)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor D>E